

02 JUL 2003

LANGKAWI-DIALOG/I

350 PESERTA DIJANGKA HADIRI DIALOG PERKONGSIAN TEKNOLOGI DAN PERNIAGAAN

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Thailand, Dr Thaksin Shinawatra akan menghadiri Dialog Perkongsian Teknologi dan dan Perniagaan Malaysia-Thailand yang diadakan di Langkawi pada 27 dan 28 Julai 2003.

Kedua-dua perdana menteri itu akan menyampaikan ucapan pada sesi pembukaan plenari dialog tersebut, demikian menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) di sini hari ini.

Dialog berkenaan dianjurkan secara bersama oleh MIGHT dan Agensi Pembangunan Sains dan Teknologi Negara (NSTDA), Thailand.

Ia bertujuan untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat dalam pembangunan ekonomi dan teknologi antara Malaysia dan Thailand, kata MIGHT.

Dengan tema "Memanfaatkan Perkongsian Strategik Perniagaan dan Teknologi Bagi Pertumbuhan Ekonomi", dialog itu akan mengumpulkan lebih 350 peserta yang terdiri daripada pegawai kanan ekonomi dan pembuat polisi dari kementerian yang berkaitan, ketua-ketua industri dan para usahawan dari kedua-dua negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi akan menyampaikan ucapan pada penutup dialog dan sebelum itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan membentangkan kertas kerja mengenai memangkinkan perdagangan dalam rantau melalui integrasi teknologi dan ekonomi.

Sementara itu, menteri sains dan teknologi Thailand, Phinij Jarusombat akan membentangkan kertas kerja mengenai peranan sains dan teknologi dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, kata MIGHT.

Sesi selari dengan dialog itu akan memberi tumpuan kepada empat bidang utama iaitu agro-bioteknologi dan pertanian, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), industri - automotif serta elektrik dan elektronik dan eko-pelancongan.

MIGHT berkata melalui sesi berkenaan, tindakan konkrit melalui projek yang akan menyediakan dinamisme baru bagi memastikan pengekalan jangka panjang kedua-dua negara akan diterokai dan dikenal pasti.

"Dengan Malaysia dan Thailand berkongsi objektif yang sama dalam mempromosikan persaingan yang lebih luas bagi ekonomi dan industrinya, kedua-dua negara mengiktiraf potensi besar dan faedah yang boleh dicapai daripada kerjasama dua hala, perkongsian teknologi dan perangkaan," katanya.

Malaysia merupakan rakan dagang kelima terbesar bagi Thailand manakala Thailand diletakkan ketujuh dalam senarai rakan kongsi terbesar Malaysia.

Malaysia mencatatkan perdagangan dua hala dengan Thailand berjumlah AS\$7.13 bilion (RM27.094 bilion) pada 2002.

"Dengan mengurangkan tarif dan gabungan pasaran yang besar hampir 90 juta orang, terdapat potensi untuk terus memperluaskan perdagangan dua hala dalam barangan dan perkhidmatan," kata MIGHT.

Tambahan pula dengan perubahan dalam persekitaran ekonomi global, adalah penting bagi Malaysia dan Thailand untuk meningkatkan inisiatif dua hala sedia ada mereka bagi mempromosikan pertumbuhan ekonomi.

Bagi meningkatkan perkongsian, adalah penting sekali kedua-dua negara terus untuk secara bersama meneroka paradigma baru ke arah persaingan yang didorong oleh teknologi di peringkat serantau dan antarabangsa serta juga mengguna pakai paradigma yang lebih efektif yang akan bukan hanya

mengekalkan momentum pertumbuhan semasa tetapi juga membantu ekonomi menghadapi cabaran akan datang.

Dialog berkenaan dijangka bertindak sebagai platform dua hala penting bagi mempertimbangkan isu penting berkaitan dengan penjanaaan peluang perniagaan baru dan menghadapi cabaran ekonomi serantau dan global.

Untuk maklumat lanjut bagi Dialog Perkongsian Teknologi dan Perniagaan Malaysia-Thailand boleh diperoleh daripada sekretariatnya di talian 03-8888 1806 (Raja) atau 1850 (Aida) atau e-mel pada corpcomm@might.org.my. --

BERNAMA

SM KTC NHD